

BICARA EKSKLUSIF

Bicara Eksklusif bersama Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkefli Mohamad Al-Bakri



6




Pelakon 'stunt' Polis Evo 2 pernah nyaris maut

3

Tambah rumah mampu milik dan peluang niaga antara usaha bantu sejahterakan hidup penduduk Wilayah Persekutuan

Kebajikan warga kota



KEHIDUPAN warga kota bakal terbela melalui program-program kebajikan yang dilaksanakan Kementerian Wilayah Persekutuan.

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan merancang pelbagai program kebajikan untuk warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi tahun 2019.

Menterinya, Khalid Abdul Samad berkata, buat pertama kalinya, program tersebut bakal melibatkan kesemua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan yang dipilih oleh rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-14 lalu. Beliau berkata, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) pula bakal menjadi sayap utama dalam melaksanakan program-program menjaga kebajikan warga Wilayah Persekutuan.

**LAPORAN PENUH
DI MUKA 2**

Kesemua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan bakal dilibatkan

Tumpu program kebajikan

Oleh **HELMI MOHD. FOAD,**
NAZWIN NAZRI dan
AZLAN ZAMBRY

PUTRAJAYA - Pelaksanaan pelbagai program kebajikan melibatkan warga ibu kota, Putrajaya dan Labuan menjadi tumpuan Kementerian Wilayah Persekutuan sepanjang tahun ini.

Menterinya, Khalid Abdul Samad berkata, melalui pendekatan baharu, pihak kementerian memasukkan kesemua 11 Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan dalam Majlis Mesyuarat Menteri untuk membincangkan kesemua program berkenaan bagi kawasan masing-masing.

"Pertama kali Ahli-ahli Parlimen terlibat secara rasmi dalam mesyuarat rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk berbincang dasar yang akan dilaksanakan.

"Kalau di Putrajaya, mereka bermesyuarat bersama Perbadanan Putrajaya dan Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli berbincang dengan Perbadanan Labuan. Mereka akan bermesyuarat secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali," katanya kepada Wilayahku di sini, Selasa lalu.



KHALID ABDUL SAMAD

Dalam hal ini, Khalid menyatakan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) akan menjadi sayap kebajikan kementerian bagi menyalurkan bantuan kepada warga ibu kota yang memerlukan.

Katanya, YWP merupakan organisasi tidak berasaskan keuntungan dan melalui hasil projek-projek yang diperoleh daripada DBKL, ia disalurkan untuk program kebajikan untuk warga kota.

"Baru-baru ini kita ada program 'Back To School' dengan peruntukan RM3 juta untuk seluruh murid kurang berkemampuan di Wilayah Persekutuan. Ini kita salurkan kepada setiap Ahli Parlimen.

"YWP juga ada program bantu golongan miskin dengan menyediakan skim kewangan untuk beli rumah," katanya.

Khalid berkata, pihaknya juga bakal memperbanyakkan program keusahawanan seperti program food truck selain skim bantuan ibu tunggal dan golongan B40

"Sumbangan dan program terancang dilakukan supaya mereka boleh berdikari dan berniaga. Pemberian (wang) pula kita buat pada masa tertentu seperti hari raya," jelasnya.

Sementara itu, jelas Khalid, pihaknya juga akan memberikan tumpuan kepada Kampung Baru di Kuala Lumpur dengan menyasarkan dalam tempoh empat tahun diharap

akan ada keputusan untuk melaksanakan pembangunan yang diterima penduduk di situ.

"Kita hendak tingkatkan juga kemudahan pengangkutan awam. DBKL telah memberikan komitmen sebanyak RM20 juta setahun untuk menyediakan khidmat bas percuma Go KL dengan menumpukan laluan kawasan padat penduduk menuju ke Kuala Lumpur bermula Februari depan," katanya.

Cadang beri kerja sampingan lunas tunggakan sewa PPR

PUTRAJAYA - Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mengkaji cadangan untuk menyediakan peluang pekerjaan sampingan kepada penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebagai langkah penyelesaian untuk mereka melunaskan tunggakan bayaran sewa rumah.

Menterinya, Khalid Samad berkata, pihaknya sudah meminta sebuah jawatankuasa untuk mengkaji antara lain kemungkinan penghuni terbabit boleh diberikan kerja-kerja pembersihan di kawasan PPR mereka dan bayaran gaji dijadikan sebagai kontra untuk menjelaskan tunggakan sewa.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberi sewa rumah PPR kepada golongan miskin pada kadar RM124 sebulan tetapi ada segelintir individu sudah mempunyai hutang hingga RM3,000 hingga RM4,000. Mereka sudah tinggal di situ sampai dua generasi dan kita tidak mahu usir mereka.

"Kita cari orang betul-betul miskin bagi melakukan kerja mengecat misalnya, mereka boleh buat pada hujung minggu dan bayarannya kontra dengan tunggakan sewa rumah," katanya kepada Wilayahku.

Tambah beliau, kerajaan juga merancang mahu membina lebih banyak lagi rumah mampu milik dan PPR kerana keperluan berkenaan agak mendesak meskipun pada masa ini kawasan bagi membangunkan projek seumpama itu kian berkurangan.

Sebelum ini laporan menyebut kadar sewa sebanyak RM124 sebulan yang gagal dijelaskan penyewa PPR dan Perumahan Awam (PA) mencecah tunggakan terkumpul sebanyak RM28.1 juta sehingga 30 Oktober tahun lalu.

la melibatkan kira-kira 26,860 penyewa.

Keamanan, rumah mampu milik, kawal harga barang antara impian warga kota

Mahu hidup lebih selesa, aman

KUALA LUMPUR - Melangkah ke tahun baharu 2019, rata-rata warga kota termasuk di Putrajaya dan Labuan mengimpikan negara ini terus aman dan rakyat dapat menikmati kemudahan lebih selesa.

Apa yang paling utama ialah peluang orang ramai untuk membeli rumah pada harga mampu milik perlulah dipermudahkan dan jumlahnya ditingkatkan bagi memenuhi permintaan penduduk yang kian bertambah.

Bagi mereka, pembelaan terhadap nasib golongan berpendapatan isi rumah RM3,680 sebelum ke bawah (B40) perlu menjadi agenda utama.

Seorang penjawat awam, Wan Mohd. Sharifudin Wan Hassan, 29, berkata, in-

siden rusuhan di Subang Jaya, Selangor pada November tahun lalu hingga mengorbankan seorang anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd. Kassim, 24 perlu dijadikan iktibar.

Dia yang menetap di Wangsa Maju berkata, keharmonian negara dan perpaduan kaum sewajarnya dipelihara bagi mengelakkan sebarang bentuk ancaman atau rusuhan berlaku.

"Saya berharap pada tahun ini dan seterusnya, keharmonian serta keamanan rakyat berbilang kaum dapat dijaga dengan sebaik-baiknya dan elakkan unsur yang boleh merosakkan perpaduan," katanya.

Dalam pada itu, dia juga berharap masalah kesesakan trafik yang membelenggu warga kota selama ini dapat dikurangkan.

"Pihak berwajib perlu mengambil langkah-langkah berkesan dalam menyediakan kemudahan tertentu untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan awam seperti Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT), komuter dan bas awam," katanya.

Pekerja swasta, Syafiq Azriq Mohtasar, 22, pula berharap, pada

tahun ini ekonomi dapat distabilkan dan penguatkuasaan harga barangan harian dilaksanakan agar rakyat yang berpendapatan kecil berpeluang menikmati hidup selesa.

"Dengan gaji RM2,000 sebulan, untuk hidup di bandar raya sangat mencabar. Saya juga amat gembira jika kerajaan boleh menurunkan harga petrol RON95 ke paras bawah RM2.00 seliter dan kadar tol lebu raya dalam bandar dapat dikurangkan secara berperingkat," katanya.

Sementara itu di Labuan, seorang arkitek, Siti Zubaidah Mohd. Saad, 34, berkata, pihaknya berharap kerajaan dapat mengimbangi atau mengawal harga rumah sewa serta menambah jumlah kediaman mampu milik untuk penduduk Labuan.

"Harga rumah sewa di Labuan sangat tinggi dan bilangan rumah mampu milik juga tidak mencukupi untuk penduduk di sini," ujarnya.

Dia juga menyarankan agar, harga barangan basah seperti ikan dan sayur-sayuran dapat dikawal agar tidak melambung terlalu tinggi.

"Harga bahan mentah yang mahal menyebabkan harga sepinggan nasi beserta lauk seperti ayam dan ikan boleh mencecah RM10," katanya.



SITI ZUBAIDAH



WAN MOHD. SHARIFUDIN

Pelakon lagak ngeri Polis Evo 2 pernah nyaris maut

wajah muka 3

INSIDEN menghadapi masalah ketika melakukan aktiviti payung terjun hingga nyaris menemui maut merupakan antara pengalaman yang sukar dilupakan Nurul Hafizah Mohd. Sakri, 31, atau lebih dikenali sebagai Kim Fukazawa.

Pelakon lagak ngeri wanita dalam Polis Evo 2 ini menceritakan, dalam kejadian di Indonesia beberapa tahun lalu, payung terjunnya gagal berfungsi ketika berada pada ketinggian kira-kira 609 meter di udara.

"Dalam situasi cemas tersebut, saya hanya memikirkan soal mati. Namun saya bernasib baik kerana cepat melepaskan payung terjun utama daripada badan dan segera menggunakan payung terjun kecemasan.

"Teknik tersebut berjaya menyelamatkan nyawa apabila saya berjaya mendarat dengan selamat. Meskipun sukar melupakan peristiwa itu, saya tidak serik untuk menyertai aktiviti lasak sedemikian," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Terbaru, wanita kelahiran Kota Bharu, Kelantan ini melakonkan aksi lagak ngeri untuk watak Rian lakonan aktres jelita Indonesia, Raylene Shah dalam filem aksi, Polis Evo 2.

Dalam filem itu, Raylene memegang watak sebagai perisik polis Indonesia yang ditugaskan menyusup masuk ke dalam sindiket pengedaran dadah.

Kim yang berpengalaman sebagai pelakon lagak ngeri selama enam tahun melibatkan 10 buah filem termasuk Polis Evo 2 berkata, minatnya untuk terlibat dalam aktiviti 'stunt' bermula selepas dia mengalami kecederaan



NURUL HAFIZA

pada tahun 2012 sewaktu beraksi dalam pertunjukan 'makan api' apabila api yang dimasukkan ke dalam mulut tiba-tiba menyambar mukanya.

Ceritanya, akibat kejadian itu, wajahnya melecur teruk hingga dia terpaksa dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) selama empat hari.

Namun Kim segera mengambil sikap positif dan mencari jalan mencari penawar kepada kecederaan yang dialaminya itu.

"Ketika di hospital, saya menyedari mempunyai kemahiran dalam seni mempertahankan diri, lepas itu saya nekad menjadi pelakon lagak ngeri," katanya yang merupakan pemegang tali pinggang hitam karate.

Selain itu, antara perkara yang tidak dapat dilupakan ialah Kim turut pernah mengalami kecederaan teruk pada jari ketika melakukan aksi 'stunt' menggunakan tali.

"Dalam aksi tersebut, saya dan rakan pelakon hanya diberikan sarung tangan yang tidak menutupi keseluruhan jari. Akibat kesilapan teknik, kulit jari saya tersiat.

"Kami anggap kecederaan seperti luka dan lebam-lebam adalah asam garam sebagai pelakon lagak negeri," katanya.

Di sebalik 'watak' sebagai wanita lasak, Kim sebenarnya mempunyai sifat lemah-lembut kerana sebelum ini dia merupakan seorang penari dan mempunyai syarikat sendiri.

500,000 dilindungi takaful CUEPACSCare

PUTRAJAYA - Lebih 500,000 penjawat awam dan ahli keluarga telah menerima manfaat rawatan hospital pakar swasta menerusi program takaful CUEPACSCare yang diperkenalkan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sejak tahun 1999.

Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda berkata, CUEPACSCare merupakan program kerjasama kesatuan sekerja itu dengan Medicare Assistance Sdn. Bhd. (Medicare) bagi memastikan setiap penjawat awam dan ahli keluarga mereka memiliki perlindungan tambahan ketika waktu kecemasan.

Jelasnya, CEUPACS menasaskan sejumlah 400,000

penjawat awam di seluruh negara menyertai polisi perlindungan takaful CUEPACSCare menjelang akhir tahun 2019 berbanding 80,000 pemegang polisi ketika ini.

"Melalui kerjasama dengan Medicare, penjawat awam ditawarkan takaful penghospitalan dan pembedahan CUEPACSCare serendah RM32 sebulan untuk individu manakala RM85 bagi pakej keluarga yang menawarkan perlindungan sehingga RM60,000 setahun.

"Sebagai penjawat awam, mereka layak menerima rawatan komprehensif di hospital kerajaan tetapi ada kalanya terpaksa menunggu giliran agak lama. Di hospital swasta walaupun menyediakan

rawatan pantas, kosnya agak tinggi dan perlu ditanggung sendiri.

"Menyedari hakikat ini, CUEPACS dengan kerjasama Medicare memperkenalkan program CUEPACSCare pada tahun 1999 khas untuk penjawat awam sebagai alternatif mendapatkan rawatan di hospital pakar swasta pada kadar yang mampu," katanya kepada wilayahku baru-baru ini.

Menurut Azih, CUEPACS mahu memastikan setiap penjawat awam memiliki sekurang-kurangnya satu perlindungan takaful agar mereka sentiasa bersedia menghadapi sebarang musibah.

Tambahnya, program takaful untuk penjawat awam itu

mampu menjimatkan perbelanjaan kerajaan dari segi kos rawatan hospital selain mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan.

"Sejak pengenalan CUEPACSCare pada tahun 1999, sebanyak RM300 juta telah dibayar bagi tuntutan rawatan dan pembedahan di hospital swasta. Ia bukan saja membantu penjawat awam, malah menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

"CUEPACS berharap semua penjawat awam dipelbagai peringkat dapat menyertai program takaful CUEPACSCare demi kesejahteraan diri mereka dan keluarga," ujarnya.

Penjawat awam yang mahu menyertai skim CUEPACS-



AZIH MUDA

Care boleh hadir ke ibu pejabat Medicare di Klang, Selangor atau layari laman web www.mycuepacscare.my untuk pertanyaan atau memohon taklimat di pejabat.